

CADANGAN CAWANGAN DAN REKA BENTUK BARU JARI-JARI  
MASSAGE AND SPA CENTRE DI BANGLO DUA TINGKAI  
NO 2 JALAN 3S 2/75, PETALING JAYA SELANGOR  
DARUL EHSAN UNTUK JARI-JARI SPA

NORHARIATI BINTI HASSAN

200543/075

DEPARTMENT OF INTERIOR ARCHITECTURE  
FACULTY OF ARCHITECTURE, PLANNING AND SURVEYING  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
PERAK  
SERI ISKANDAR CAMPUS

APRIL 2008

CADANGAN CAWANGAN DAN REKABENTUK BARU JARI-JARI MASSAGE AND SPA CENTRE DI  
BANGLO DUA TINGKAT NO 2 JALAN Ss 2/75, PETALING JAYA SELANGOR DARUL EHSAN  
UNTUK JARI-JARI SPA.

NORHARIATI BINTI HASSAN  
2005487045

Jabatan Senibina Dalaman  
Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur  
Universiti Teknologi MARA  
Perak  
Kampus Seri Iskandar

APRIL 2008



4/3/2010

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN

APRIL 2008


Adalah disyorkan bahawa Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh  
**NORHARIATI BINTI HASSAN**

Bertajuk  
**CADANGAN CAWANGAN DAN REKABENTUK BARU JARI-JARI MASSAGE AND SPA CENTRE**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan :  Puan Nurrajwani Abdul Halim

Koordinator Kursus :  Puan Mawar Masri

Koordinator Program : Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa Abd Rashid

## **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mewujudkan sebuah pusat rawatan kecantikan ‘Jari-jari Massage and Spa Centre’, di Semenanjung Malaysia dan untuk memajukan serta meningkatkan taraf penjagaan kesihatan dan kecantikan di negara ini. Pelanggan dapat mendapat rawatan yang berlainan daripada spa yang sedia ada di Malaysia ini. Dengan adanya pusat ini dan kemudahan yang ditawarkan, ia dapat memberi variasi pilihan kepada para pelanggan yang datang dari serata tempat dengan hanya mengenakan harga yang berpatutan dengan perkhidmatan yang memuaskan hati pelanggan. Selepas mengenalpasti latarbelakang klien, proses mencari tapak cadangan dijalankan. Bagi memastikan lokasi tapak yang sesuai untuk menjalankan projek akhir, proses pemilihan tapak projek dilakukan beberapa kali untuk menentukan projek ini sesuai dengan pasaran semasa dan jenis bangunan dapat disesuaikan dengan projek yang dijalankan, yang beralamat di sebuah banglo dua tingkat di No 2 Jln, Ss 2/75, Petaling Jaya, Selangor. Tapak projek ini bersesuaian dengan projek kerana tidak terdapat persaingan di kawasan berdekatan dan terdapat banyak kedai pakaian pengantin. Lokasi yang memberi kemudahan dari segi infratruktur dan kemudahan awam akan membuatkan sesebuah projek itu berjaya. Sebelum memulakan proses rekabentuk, objektif kajian amat penting untuk menentukan hala tuju projek, seperti untuk memastikan hubungkait antara ruang mempunyai kesinambungan supaya memudahkan pelanggan dan memberi keselesaan kepada pelanggan. Seterusnya konsep dan imej yang ingin ditonjolkan dalam projek adalah berdasarkan daripada elemen yang terdapat dalam spa itu sendiri iaitu ‘Soothing Tropical’ di mana terdapat elemen tropikal juga sedikit elemen moden yang ingin diterapkan dalam rekabentuk ruang. Untuk mengimbangi konsep dan imej, malah imej yang digunakan juga bertemakan tropika. Cadangan rekabentuk yang ingin ditonjolkan adalah berkonseptan tropika yang bersesuaian dengan spa ini iaitu menyediakan rawatan daripada etnik Dusun. Sebagai kesimpulannya keseluruhan kajian yang dilakukan, ‘Jari-jari Massage and Spa Centre’ ini mempunyai imej yang baru dan mencerminkan sebuah spa tempatan yang boleh bersaing dengan spa-spa yang sedia ada.

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan kurnia Nya, dapat juga saya menyiapkan laporan teknikal projek akhir iaitu dalam subjek THE 386. Begitu banyak cabaran dan dugaan yang dapat ditempuhi selama tempoh pengajian ini, diatas berkat semangat dan dorongan yang diberikan oleh semua pihak segala kesukaran dapat diatasi. Oleh itu dikesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada koordinator kursus THE 386 iaitu Puan Mawar binti Masri, dengan berkat usaha beliau yang tidak jemu-jemu memberikan tunjuk ajar dan panduan untuk melakukan laporan kursus ini dengan lancar dan jayanya, dengan mengikut format yang betul. Juga tidak dilupakan kepada Puan Nurrajwani binti Abdul Halim selaku penyelia laporan yang sanggup meluangkan masa untuk menyemak laporan dan tunjuk ajar serta bimbingan bagi menghasilkan sebuah laporan yang baik. Tidak lupa juga kepada pensyarah program iaitu Encik Zulkarnain bin Hazim, Encik Khedzir bin Khamis, Encik Nordin bin Misnat dan Puan Mawar binti Masri yang banyak membantu dalam kajian yang dilakukan untuk melancarkan lagi perjalanan projek studio dan banyak memberi input serta bimbingan dalam menyiapkan projek akhir ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada keluarga yang tidak jemu-jemu membantu dari segi mental dan rohaniah supaya dapat saya siapkan laporan dan sekaligus memberi kata-kata peransang untuk meneruskan pengajian akhir ini dengan jayanya. Tidak dilupakan rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu samada secara langsung atau tidak langsung dalam memberi idea dan kritikan dalam menyiapkan laporan ini. Akhir kata, diharapkan hasil daripada laporan ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada pembaca dan juga penganalisis laporan kajian, dan menambah pengetahuan melalui kajian dan analisa yang dibuat . Sekali lagi diucapkan terima kasih kepada sesiapa yang terlibat secara langsung atau tidak secara langsung dalam memberi kerjasama dari segi semua aspek dan amatlah saya hargai.

<b>Abstrak</b>	<b>i</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>ii</b>
<b>Kandungan</b>	<b>iii-v</b>
<b>Senarai Rajah</b>	<b>vi-vii</b>
<b>Senarai Jadual</b>	<b>ix</b>
<b>Senarai Lampiran</b>	<b>x</b>
<b>Senarai Singkat Kata</b>	<b>x</b>

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
------------------	-------------------

<b>BAB 1.0</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	PENGENALAN	1
1.2	METODOLOGI KAJIAN	2-3
1.3	MATLAMAT KAJIAN	4
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	5
1.5	SKOP KAJIAN	6-8
1.6	HALANGAN KAJIAN	9
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	10